

Latihan 1.1.1 Teknik dalam pemikiran komputasional

1. Antara berikut, manakah contoh teknik leraian?
 - A. Menganggar kuantiti bahan untuk mengadun kek
 - B. Membina formula pengiraan padang bola
 - C. Membuat pengiraan luas dan lilitan sebuah bulatan
 - D. Pengiraan bil elektrik dipecahkan berdasarkan unit penggunaan dan kadar yang dikenakan.

2. Senaraikan empat jenis teknik yang terdapat dalam pemikiran komputasional.

Teknik dalam pemikiran komputasional	Penerangan
	Pemecahan suatu masalah atau sistem yang kompleks kepada bahagian – bahagian kecil bagi memudahkan pemahaman dan penyelesaian.
	Persamaan – persamaan yang mempunyai beberapa masalah atau dalam masalah yang sama
	Mengutamakan perkara – perkara penting dalam sesuatu masalah dan meninggalkan perkara – perkara yang kurang penting
	Membina model berdasarkan corak – corak yang telah dikenal pasti daripada beberapa masalah yang serupa.

3.

penerangan	algoritma	mudah	memahami
------------	-----------	-------	----------

Lengkapkan ruang kosong yang berikut dengan menggunakan perkataan yang di atas.

- a) Membolehkan kita _____ sesuatu proses kerja dengan lebih _____.
- b) Membantu memberi _____ yang lebih jelas kepada orang lain.
- c) Menyediakan _____ yang lebih tepat.

4.

Syamila bercadang untuk membeli beg tangan. Semasa masuk ke dalam butik, dia mendapati pelbagai variasi beg tangan dijual sehingga mengalami kesukaran untuk membuat pilihan.

Berdasarkan situasi yang diberi, apakah contoh – contoh teknik leraian:

- i) Berapakah anggaran bajet maksimum yang diperuntukkan?
- ii) _____
- iii) _____